

08 OCT 1996

UMNO - Makanan

RESTORAN RIVERSIDE SEDIA MAKANAN UNTUK PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Agung UMNO menampakkan kesibukan bukan sahaja bagi kakitangan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) iaitu tempat perhimpunan itu diadakan tetapi juga bagi Restoran dan Kafetaria Riverside.

Pengurus Kanan Perhubungan Awam PWTC Sopiah Suid berkata ini kali pertama restoran itu menyediakan makanan untuk perhimpunan agung UMNO. Sebelum ini, penyediaan makanan dikendalikan oleh Hotel Pan Pacific.

Ketika para calon dan perwakilan membuat persiapan akhir untuk pemilihan parti, ketua tukang masak Low Keng Meng menyediakan seramai 335 untuk menyedia dan menghidangkan makanan untuk 12,000 orang.

Untuk tujuan itu, Low membuat tempahan bagi 2,560 kg ayam, 1,440 kg ikan tenggiri, 1,440 kg udang, 1,400 kg daging lembu, 360 kg kubis, 360 kg lobak merah, 800 kg beras, 480 kg kentang, 500 kg santan kelapa dan lain-lain.

Menu yang disediakan merupakan campuran masakan Melayu, India, China dan ala Barat.

Untuk jamuan ringan, para perwakilan dapat menikmati antara lain mocca eclair, vadai, bahu, kuih Melayu, pau kaya, mini murtabak dan bingka tepung.

Menu bagi makan tengah hari dan malam pula ialah ayam lemak cili padi, "deepfried garoupa with black pepper", daging masak terutut, "panfried squid with szechuan style", "braised taiwanese carbage with mushroom", ayam kelio, udang kari bendi. udang rendang Perak dan sebagainya.

Low akan dibantu oleh 75 tukang masak dan 60 pembantu dapur serta 200 pekerja sementara yang diambil sebagai pelayan.

Sopiah berkata, 10,000 orang dijangka menghadiri jamuan malam bersama Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di tapak Pasar Tani Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Khamis. -- BERNAMA

ERE FAZ